



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA SIASATAN BERHUBUNG VIDEO TULAR BERKENAAN PENGURUSAN ANJING-ANJING TERBIAR DI PUSAT KURUNGAN KENDALIAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

PUTRAJAYA, 13 JANUARI 2023 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan telah menerima aduan awam pada 08 Januari 2023 mengenai video tular berkenaan pengurusan anjing-anjing terbiar di Pusat Kurungan Anjing Terbiar kendalian Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).

Pada 09 Januari 2023, sepasukan pegawai kebajikan haiwan dari DVS Selangor telah turun ke Pusat Kurungan Anjing Terbiar kendalian MPKL yang beralamat di Tapak Semaian Jabatan Landskap MPKL, Jalan Mahkamah 42700 Banting, Selangor.

Hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati 94 ekor anjing pelbagai jantina dan umur diletakkan di dalam tujuh (7) bilik berasingan. Anggaran keluasan setiap bilik adalah 30 kaki persegi. Pemeriksaan yang dijalankan mendapati bilangan anjing yang diletakkan di dalam bilik tersebut adalah tidak memenuhi keperluan persekitaran kebajikan haiwan. Sehubungan dengan itu, Notis Penambahbaikan di bawah Seksyen 25 Akta 772 dan Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Notis Penambahbaikan) 2020 telah dikeluarkan kepada pihak MPKL.

Notis Penambahbaikan tersebut dikeluarkan untuk mengarahkan pihak MPKL mengambil apa-apa langkah mengikut perundangan sedia ada bagi memastikan kebajikan haiwan dipenuhi termasuk mematuhi perundangan di bawah MPKL.

Pemeriksaan susulan oleh Pegawai Kebajikan Haiwan dari Ibu Pejabat DVS Putrajaya pada 11 Januari 2023 mendapati pihak MPKL telah mengambil tindakan penambahbaikan kepada arahan notis tersebut dengan menyerahkan kesemua anjing kepada pihak NGO yang memohon untuk menjaga anjing-anjing tersebut.

Mana-mana persatuan berkaitan haiwan dan orang awam diminta untuk menyalurkan sebarang aduan berhubung kezaliman haiwan dan pengabaian kebajikan haiwan melalui awa.dvs.gov.my dan tidak menularkan sebarang berita bagi mengelakkan kekeliruan kepada awam.

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
MERANGKAP PENERUSI LEMBAGA KEBAJIKAN HAIWAN
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)**

13 JANUARI 2023